

Pakar radiologi ke Palestin kumpul bukti

KUALA LUMPUR: Seorang pakar radiologi akan menyertai pasukan Aman Malaysia ke Palestin bagi mengumpul bukti menunjukkan tentera Israel menggunakan senjata kimia terhadap rakyat Palestin dan melaporkannya kepada pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB).

Penyelaras Aman Malaysia/Palestin, Datuk Mukhriz Mahathir, berkata pakar radiologi itu adalah antara 10 doktor yang kini bersiap sedia untuk menyampaikan bantuan kemanusiaan di Semenanjung Gaza sebaik saja sempadannya dibenar dimasuki pasukan bantuan kemanusiaan.

“Laporan terbaru dari Gaza menunjukkan ada bukti senjata kimia dan bahan toksik digunakan terhadap rakyat Palestin selain menjadikan mereka sasaran bagi menguji kecekapan senjata canggih milik tentera Israel yang menggunakan teknologi terkini.

“Semua ini dilarang mengikut Konvensyen Geneva serta resolusi PBB dan kita akan kumpul bukti mencukupi sebelum menyerahkannya kepada kerajaan untuk dikemukakan kepada badan dunia itu, sekali gus mendesak tindakan segera diambil bagi mengakhiri kekejaman rejim Zionis di Gaza.

“Saya harap ini sekurang-kurangnya dapat meyakinkan PBB bertindak proaktif mengakhiri kemelut di Timur Tengah,” katanya kepada pemberita selepas majlis



WARGA Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) menyertai perhimpunan sebagai membantah kekejaman Israel di Palestin di Nilai, semalam.

pelancaran ‘Tabung Selamatkan Palestin’ anjuran Pemuda Umno Bahagian Petaling Jaya Utara, di sini, malam tadi.

Hadir sama, Ketua Umno Bahagian Petaling Jaya Utara, Datuk Ikhwan Salim Sujak dan Ketua Pemuda Umno Bahagian Petaling Jaya Utara, Latt Sharizan Abdullah.

Kata Mukhriz, semua kuitipan itu akan disalurkan kepada Tabung Aman Malaysia/Palestin bagi menyelaras bantuan yang bersesuaian dengan keperluan semasa mangsa serangan Israel di Gaza.

Jelas beliau, Aman Malaysia selaku satu daripada 20 pertubuhan bukan kerajaan (NGO) antarabangsa meng-

anggotai Persatuan Hak Mula Rakyat Palestin, yang bernaung di bawah Meja Palestin PBB, terpenggil untuk menyediakan laporan penggunaan senjata kimia dan bahan toksik itu.

“Sebelum ini pun dalam serangan di Selatan Lubnan pada 2006, Israel bertindak menggunakan senjata kimia seperti serpihan uranium beradioaktif (DU) dan fosforus putih, yang disyaki turut digunakan dalam serangan di Semenanjung Gaza mulai 27 Disember lalu.

“Tambah pula, sasaran tentera Israel tidak membezakan kanak-kanak, wanita atau orang tua, malah semua yang dewasa dituduh sebagai pegganas bagi memperta-

hankan alasan membedil segenap pelosok penempatan rakyat Palestin di Gaza,” katanya.

Perjanjian Geneva 1980 menetapkan fosforus putih tidak harus digunakan sebagai senjata di kawasan awam ia tidak mengharamkan penggunaan bahan kimia itu sebagai pelindung asap atau untuk menceraikan kawasan operasi.

Jika fosforus dilepaskan ke atas orang ramai, mereka yang bertanggungjawab akan dibicarakan di Mahkamah Jenayah Antarabangsa di The Hague. Fosforus putih ditakrifkan sebagai senjata pegganas kerana gumpalan asap yang dilepaskan itu boleh membakar kulit.